



● PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad (dua dari kanan) berjabat tangan dengan qari dari Sarawak, Enck

Ismawi bin Haji Duet ketika diperkenalkan kepada para peserta malam kelmarin. — Gambar BH.



● DUA kumpulan nasyyid dari negeri Perak dan Kedah berpada suara menyampaikan lagu "Panggilan Jihad" di hari pembukaan

musabaqah membaca Al Quran peringkat kebangsaan di Stadium Perak, Ipoh malam kelmarin.

Lebih 10,000 rakyat banjiri Stadium Perak

IPOH, Isnin — Masyarakat Islam di dalam dan luar Ipoh keluar beramal-ramal malam tadi untuk menyaksikan upacara pembukaan Musabaqah Membaca Al Quran Peringkat Kebangsaan yang disiarkan secara langsung ke seluruh negara oleh RTM dari Stadium Perak di sini.

Lebih 10,000 umat Islam bersama Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Timbalannya Datuk Musa Hitam memberikan sambutan hebat terhadap musabaqah

yang pertama kali diadakan di Perak ini. Bermendikan cahaya lampu berwarna-warni dan sebuah Astaka yang memancarkan ketulenan lambang Islam, musabaqah dirasmikan oleh Perdana Menteri itu tetap indah, malah lebih suci walaupun tanpa acara-acara seperti pentomen dan iringan muzik.

Di suatu ketika orang ramai telah turun ke padang di kiri kanan Astaka untuk menyaksikan lebih dekat tetapi telah diarahkan ke tempat asal oleh Polis Simpanan Persekutuan. Bagaimanapun, Per-

dana Menteri yang dapat memahami minat orang ramai telah membenarkan orang ramai duduk di atas padang dan trek stadium untuk menyaksikan acara gemilang itu.

Selepas merasmikan musabaqah, Datuk Seri Dr. Mahathir dengan diiringi oleh Menteri Besar Perak, Datuk Seri Haji Wan Mohamed bin Haji Wan Teh dan Pengerusi Jawatankuasa Pusat Musabaqah Membaca Al Quran Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa, Datuk Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mat Isa

diperkenalkan kepada semua qari dan qariah yang mengambil bahagian.

Sebelum pertandingan dimulakan, para penonton telah menikmati kata-kata semangat dari nasyyid tanpa iringan musik disampaikan oleh Kumpulan Nasyyid Darul Ridzuan Perak (terdiri penjar Sekolah Raja Perempuan Ta'ayah, Ipoh) dan Kumpulan Nasyyid Darul Aman, Kedah.

Johan Qariah menanti, Hajah Sapinah binti Mamat dari Kelantan adalah di antara tiga qariah yang menyam-

paikan bacaan malam tadi. Yang lain ialah Hajah Siti Aminah binti Awang, 36 (Pulau Pinang) dan Cik Poyziah binti Abdul Majid, 24 (Negeri Sembilan).

Johan Qari tahun lalu, Haji Mohamad bin Haari, dari Wilayah Persekutuan tidak mengambill bahagian pada tahun ini.

Para qari yang menyampaikan bacaan malam tadi ialah Enck Ismawi bin Haji Duet, 29 (Sarawak), Haji Adnan bin Haji Abdullah, 31 (Melaka) dan Haji Mohamad bin Awang Teh, 36 (Trengganu).